

REXOMTM VITAMIN B-12 TABLET

Cyanocobalamin (Vitamin B12) (50mcg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOMTM Vitamin B-12
2. Bagaimana REXOMTM Vitamin B-12 berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOMTM Vitamin B-12
4. Cara mengambil REXOMTM Vitamin B-12
5. Semasa menggunakan REXOMTM Vitamin B-12
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOMTM Vitamin B-12
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan REXOMTM Vitamin B-12

Sebagai makanan tambahan untuk mengelakkan kekurangan nutrisi cyanocobalamin di mana penyerapan gastrousus adalah normal.

Bagaimana REXOMTM Vitamin B-12 berfungsi

REXOMTM Vitamin B-12 mengandungi cyanocobalamin, iaitu Vitamin B-12. Ia membantu merawat kekurangan Vitamin B-12 di dalam badan.

Sebelum menggunakan REXOMTM Vitamin B-12

-Bila tidak boleh menggunakan

- Ia tidak boleh digunakan pada orang yang hipersensitif kepada cyanocobalamin atau komponen lain dari formulasi ini.
- Ia tidak sepatutnya diberikan kepada individu tanpa mengesahkan diagnosis terlebih dahulu.
- Ia tidak boleh digunakan untuk merawat anemia megaloblastik (gangguan darah) semasa kehamilan.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan menyusukan anak
Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Cara mengambil REXOMTM Vitamin B-12

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOMTM Vitamin B-12 seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Dos biasa

50-150 mcg setiap hari.

-Bila perlu diambil

Untuk diambil diantara waktu makan. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOMTM Vitamin B-12 seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Dos Vitamin B-12 yang tinggi boleh menyebabkan perubahan darah pada orang yang kekurangan folat.

Semasa menggunakan REXOMTM Vitamin B-12

-Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOMTM Vitamin B-12.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOMTM Vitamin B-12 dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Pengambilan dos yang tinggi tidak disarankan tanpa nasihat doktor.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, REXOMTM Vitamin B-12 boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Sekiranya kesan-kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda melihat apa-apa kesan sampingan berikut atau perhatikan kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Ruam
- Gatal-gatal
- Berdehit
- Cirit-birit

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

REXOMTM VITAMIN B-12 TABLET

Cyanocobalamin (Vitamin B12) (50mcg)

Cara penyimpanan dan pelupusan REXOMTM Vitamin B-12

-Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada haba dan cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna merah jambu, bulat dengan garis pembahagi pada satu belah.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Cyanocobalamin (Vitamin B12)

- Bahan-bahan tidak aktif

Lactose, Magnesium stearate, Tepung jagung dan Deionized water.

-Nombor MAL

MAL19911374X

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn.

Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park

Phase 4, 11900 Penang,

Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

14/11/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)141117/00311